

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

SOALAN

TUAN TEH KOK LIM [TAIPING] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah kekosongan dalam pasaran buruh yang belum dipenuhi dan rancangan untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam memberikan perkhidmatan penyampaian yang terbaik dan berkesan kepada golongan pencari kerja, JTKSM telah menaiktarafkan **Portal JobsMalaysia** dengan memadankan pencari kerja dengan kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh majikan secara dalam talian. Pencari kerja dan majikan secara tidak langsung akan menikmati kemudahan yang lebih mesra pengguna, interaktif serta yang lebih menarik. Pada tahun 2020 sehingga 14 Ogos, sebanyak 251,367 jawatan kosong yang telah didaftarkan. Pencari kerja akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh syarikat-syarikat mengikut pilihan jawatan, pengalaman dan kelayakan akademik serta persetujuan kedua-dua belah pihak bagi kadar gaji yang ditawarkan.

2. Kementerian Sumber Manusia (KSM), melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah merangka dan melaksanakan pelbagai program untuk membantu para pencari kerja termasuklah para belia dan pekerja diberhentikan. Antara program-program yang telah dilaksanakan ialah penganjuran temuduga terbuka mengikut standard prosedur norma baharu yang telah ditetapkan. Ia bertujuan sebagai platform bagi para pencari kerja dan majikan untuk bertemu dan mendapatkan pekerjaan dan calon pekerja yang sesuai dengan keperluan industri. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

SOALAN NO. 500

PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian merancang untuk membina klinik kesihatan yang baru di kawasan Parlimen Kulai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang dalam perancangan untuk membina sebuah lagi klinik kesihatan (KK) baharu bagi menampung pertambahan bilangan pesakit di klinik-klinik sedia ada iaitu KK Kulai Besar dan KK Kulai. Sehubungan itu, KKM telah mengenal pasti tapak cadangan yang bersesuaian bagi membangunkan klinik baharu tersebut di Mukim Senai. Permohonan bagi membangunkan klinik baharu hanya akan dapat dipertimbangkan apabila urusan perolehan tanah selesai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

SOALAN NO. 501

PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta **MENTERI KESIHATAN** sama ada Kementerian merancang untuk membina bangunan baru untuk Pejabat Kesihatan Daerah Kulai memandangkan PKD Kulai masih berkongsi pejabat dengan klinik kesihatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha untuk menaiktaraf semua fasiliti kesihatan termasuklah menyediakan kemudahan dan persekitaran tempat bekerja yang selesa dan kondusif kepada kakitangan di pejabat kesihatan.
2. Justeru, KKM telah mengenal pasti lokasi tapak yang bersesuaian di Mukim Kulai bagi perancangan pembinaan baharu Pejabat Kesihatan Daerah Kulai untuk menggantikan pejabat sedia ada yang beroperasi di bangunan Klinik Kesihatan Kulai Besar. Sebarang permohonan pembinaan baharu pula hanya akan dipertimbangkan apabila urusan perolehan tanah selesai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

SOALAN NO. 503

PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sekiranya terdapat rancangan untuk memanjangkan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada pegawai kontrak supaya golongan tersebut dapat menjalani latihan kepakaran melalui program Sarjana Perubatan yang ditawarkan universiti tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kertas Pertimbangan pemberian Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada Pegawai Perubatan Kontrak telah dikemukakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). JPA telah memutuskan supaya pemberian HLP ini hanya diberikan kepada pegawai yang berstatus lantikan tetap sahaja berdasarkan kepada peraturan sedia ada.
2. Walau bagaimanapun, KKM sedang merangka satu mekanisme pemberian Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan HLP kepada pegawai-pegawai lantikan kontrak dan cadangan ini akan diangkat untuk diputuskan oleh Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Kabinet.
3. KKM berpandangan bahawa mekanisme ini perlu dilihat dan dikaji semula bagi mewujudkan peluang yang sama rata kepada pegawai-pegawai lantikan kontrak untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Perubatan di universiti tempatan dan seterusnya, dapat melahirkan lebih ramai doktor pakar dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.